



GARIS PANDUAN PAPAN TANDA PEMBINAAN DI MAJLIS DAERAH LENGGONG

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Jabatan Kejuruteraan & Bangunan telah diminta untuk mewujudkan Garis Panduan Papan Tanda Pembinaan untuk diselaraskan supaya memudahkan kerja pemantauan di samping memastikan papan tanda projek yang dibina adalah seragam di seluruh kawasan Lenggong.
- 1.2. Garispanduan ini melibatkan semua jenis pembangunan baru di dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Lenggong.

2. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

- 2.1. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 Bahagian IV (Kerja-Kerja Sementara Perhubungan Dengan Kerja-Kerja Bangunan) UUK 48 yang menyatakan keperluan untuk menyediakan papan tanda yang menunjukkan segala maklumat yang berkaitan tentang sesebuah projek yang bakal dijalankan.
- 2.2. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 Bahagian II Pengemukaan Pelan-Pelan Untuk Diluluskan UUK 20 menyatakan keperluan untuk mendirikan Papan Dinding Iklan sebelum sesuatu pembinaan dimulakan.

3. PROSEDUR & PROSES

- 3.1. Kelulusan Kebenaran Merancang (KM) akan mensyaratkan bahawa pemohon perlu mengemukakan Pelan Papan Tanda Pembinaan bersama dengan Pelan Bangunan semasa permohonan kelulusan Kebenaran Mendirikan Bangunan (KMB).
- 3.2. Kebenaran Mendirikan Bangunan (KMB) akan mensyaratkan bahawa Papan Tanda Pembinaan hendaklah didirikan sebelum kerja-kerja dijalankan di tapak mengikut spesifikasi dan syarat-syarat yang ditetapkan mengikut Garis Panduan Papan Tanda Pembinaan.
- 3.3. Pemohon/Pemaju/Kontraktor/PSP/Orang yang berkaitan perlu mengemukakan surat akuan, gambar papan tanda pembinaan yang telah didirikan sebagai bukti binaan sementara telah dijalankan.

4. GARIS PANDUAN PAPAN TANDA PEMBINAAN

- 4.1. Penggunaan logo dan nama MD Lenggong adalah dilarang sama sekali kecuali bagi projek Usahasama MDLG atau projek Penswastan MDLG.
- 4.2. Tulisan hendaklah dalam Bahasa Malaysia dan berwarna hitam dengan latar belakang putih.

4.3. PAPAN TANDA PEMBINAAN PROJEK BESAR DAN SEDERHANA (Rujuk Lakaran 1)

- 4.3.1. Papan tanda pembinaan hendaklah diletak berhampiran pintu masuk utama atau pada sempadan yang berhadapan jalan utama serta tidak terlindung.
- 4.3.2. Papan tanda pembinaan hendaklah dibina dengan kukuh serta mempunyai laluan angin. Bahan binaan hendaklah diperbuat dari “mild steel” atau “galvanized iron”
- 4.3.3. Saiz tulisan hendaklah mudah dibaca dengan mata kasar dari jarak 20 meter.

4.4. PAPAN TANDA PEMBINAAN UNTUK KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN / TAMBAHAN & PERUBAHAN (Rujuk Lakaran 2)

- 4.4.1. Papan tanda pembinaan hendaklah diletak pada tempat yang mudah dilihat dari jalan utama serta tidak terlindung.
- 4.4.2. Papan tanda pembinaan hendaklah dibina daripada bahan yang bersesuaian serta kalis cuaca.
- 4.4.3. Saiz tulisan hendaklah mudah dibaca dengan mata kasar dari jarak 10 meter.

**PAPAN TANDA PEMBINAAN UNTUK KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN /
TAMBAHAN & PERUBAHAN**

B.

